

# Sistem data TH diperketat

## Tabung Haji mahu pastikan sindiket 'haji ekspres' tak berulang

Oleh Norakmah Mat Youb  
dan Mohd Nasaruddin Parzi  
*bhnews@bharian.com.my*

**K**UALA LUMPUR: Sistem pangkalan data Lembaga Tabung Haji (TH) akan diperketatkan bagi mengelak sindiket 'haji ekspres' berulang pada masa depan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharam.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan kakitangan yang menyelenggara sistem berkenaan lebih bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakannya.

"Kita tahu, pangkalan data haji ini ada kalanya disalah guna, bukan saja oleh penggodam malah mereka yang tahu mengendali serta mahir dengan sistem ini.

"Setiap mereka yang mendaftar haji melalui sistem akan tahu bila tarikh mereka pergi. Tetapi yang menjadi cepat ini apabila mereka (sindiket) cuba ubah tarikh untuk membolehkan individu dapat menuaikan haji dengan cepat berbanding waktu ditetapkan," katanya selepas merasmikan Majlis Perasmian Program Cinta Masjid TV Al-Hijrah di Kampung Batu Muda di sini, semalam.

Beliau mengulas sindiket 'haji ekspres', yang dipercayai membabitkan beberapa pegawai dan kakitangan TH menawarkan giliran lebih cepat menuaikan haji.

Terdahulu, Jamil Khir berkata, Program Cinta Masjid diwujudkan bertujuan mengajak umat Islam mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti bermanfaat.


Katanya, program yang dikendalikan TV Al-Hijrah ini akan berkunjung ke masjid terpilih di seluruh negara dengan konsep yang pelbagai dan menarik.

"Kita akan turun, bermula dengan Kuala Lumpur dan seterusnya akan beralih ke negeri lain setiap bulan. Pelbagai program diketengahkan termasuk selawat Nabi SAW, program zikir serta penampilan khas oleh Ustaz Don," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar

Komunikasi Korporat TH, Anis Zuhani Ahmad, berkata TH akan melaksanakan penambahbaikan sistem sedia, bagaimanapun, ia hanya akan diumumkan pada Khamis ini. "Kami tidak boleh mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung sindiket berkenaan kerana ia masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

© KHAIRULL AZRY BIDIN | BERITA HARIAN



JAMIL KHIR (kiri) melawat Perpustakaan Masjid Saidina Hamzah sambil diperhati Pengerusi TV Al-Hijrah, Tan Sri Dr Mohd Yusof Nor (tengah) ketika merasmikan Majlis Perasmian Program Cinta Masjid TV Al-Hijrah di Kampung Batu Muda.